



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

AHMAD JESSREE KAMARUDDIN
Timbalan Pengarah, MBLS

BEKERJA SENDIRI: Profil di Malaysia dan Kesan COVID-9

Definisi

Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan *International Classification of Status in Employment (ICSE-93)*. **Bekerja sendiri adalah seorang yang mengusahakan perniagaan, perusahaan atau ladang sendiri tanpa menggaji pekerja.**

Berapakah bilangan guna tenaga yang bekerja sendiri?

Pada **suku tahun pertama 2020**, bilangan penduduk bekerja sendiri dianggarkan seramai **2.66 juta** orang.

Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, 2019 & Suku Pertama 2020 ('000)

Penduduk Umur Bekerja (15 – 64 tahun)

22,953.0 (ST1 2020)

22,685.2 (2019)

Tenaga Buruh

15,790.1 (ST1 2020)

15,581.6 (2019)

Luar Tenaga Buruh

7,163.1 (ST1 2020)

7,103.5 (2019)

Bekerja

15,243.5 (ST1 2020)

15,073.4 (2019)

Penganggur

546.6 (ST1 2020)

508.2 (2019)

mengikut jenis pekerjaan


Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	Bekerja Sendiri	Pekerja	Majikan
621.4 (ST1 2020)	2,658.8 (ST1 2020)	11,378.2 (ST1 2020)	585.1 (ST1 2020)
578.1 (2019)	2,724.2 (2019)	11,218.3 (2019)	552.9 (2019)

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM.

Siri Masa Penduduk Bekerja Sendiri

Guna tenaga bekerja sendiri meningkat lebih **dua kali ganda** daripada **1.16 juta** kepada **2.72 juta** bagi tempoh **1982 hingga 2019**. Sementara itu, peratusan sumbangannya kepada keseluruhan guna tenaga menunjukkan penurunan daripada **22.1 peratus** (1982) kepada **18.1 peratus** (2019).


Penduduk Bekerja Sendiri, 1982 - 2019




Apakah Profil Penduduk Yang Bekerja Sendiri?

Pada tahun 2019, majoriti penduduk yang bekerja sendiri adalah **lelaki (61.8%)**. **Warganegara Malaysia** meliputi **90 peratus** yang terdiri daripada Bumiputera (69.4%), Cina (25.6%), India (4.2%) dan Lain-lain (0.8%).

Jantina




Kewarganegaraan & Kumpulan Etnik




Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2019

Hampir **80 peratus** penduduk yang bekerja sendiri mempunyai tahap **pendidikan rendah (18.5%)** dan **menengah (60.5%)**. Dari segi tahap kemahiran, ia didominasi oleh kategori **separuh mahir 86.5 peratus** diikuti dengan kategori mahir (6.8%) dan berkemahiran rendah (6.7%).

Tahap Pendidikan




Tahap Kemahiran



Penduduk yang bekerja sendiri kebanyakannya berada di **sektor perkhidmatan 57.6 peratus** diikuti sektor pertanian (23.9%) dan pembuatan (10.8%). **Sumbangan tertinggi** penduduk yang bekerja sendiri kepada guna tenaga ialah di **sektor pertanian** iaitu **42.2 peratus**.

Sektor Ekonomi




Peratus Sumbangan Kepada Guna Tenaga

Sektor	Penduduk Bekerja ('000)	Bekerja Sendiri ('000)	Sumbangan Bekerja Sendiri (%)
Pertanian	1,541.2	650.5	42.2
Perdagangan	91.0	0.6	0.7
Pembinaan	2,681.5	293.3	10.9
Pembuatan	1,276.4	209.5	16.4
Perkhidmatan	9,483.3	1,571.1	16.6
Jumlah	15,073.4	2,724.2	17.4

Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2019
Nota: Data tidak diterbitkan

Taburan Sumbangan Mengikut Negeri

Kelantan mencatatkan peratusan bekerja sendiri paling tinggi iaitu **30.3 peratus** diikuti oleh Kedah (25.5%). **Wilayah Persekutuan Putrajaya** mencatatkan peratusan paling rendah iaitu **6.8 peratus**.




Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2019

Perbandingan dengan Negara ASEAN

Kebanyakan penduduk yang bekerja sendiri mengusahakan perniagaan bersaiz mikro atau kecil. Mereka berhadapan dengan kekangan kos perbelanjaan dan pulangan pendapatan yang marginal.

Oleh itu, peratusan bekerja sendiri yang tinggi menggambarkan pendapatan per kapita yang lebih rendah dan menandakan ekonomi yang tidak stabil bagi sesebuah negara. Dibandingkan dengan negara ASEAN lain, **Malaysia** mencatatkan peratusan bekerja sendiri **kedua terendah** (18.1%) selepas Singapura.



Sumber: International Labour Organization, ILOSTAT database. September 2019.
Nota: * Survei Tenaga Buruh, 2019

Kesan COVID-19 kepada Bekerja Sendiri

Kesan ekonomi akibat serangan COVID-19 amatlah serius. *International Labour Organization* meramalkan 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan akibat daripada wabak ini. Kesan kepada kehidupan individu yang terlibat dan keluarga mereka sudah tentu sangat menyukarkan. Antara golongan yang terkesan akibat COVID 19 ialah mereka yang bekerja sendiri.

Berdasarkan **Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi Dan Individu** (Pusingan 1) yang telah dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 23 hingga 31 Mac 2020 melaporkan **46.6 peratus** pekerja yang bekerja sendiri **kehilangan pekerjaan** dan **35.5 peratus** menyatakan **pendapatan bulanan** yang diterima **berkurang** sehingga **melebihi 90 peratus**. Lebih daripada **dua per tiga** (71.4%) daripada responden yang bekerja sendiri mempunyai **simpanan** yang hanya mencukupi **kurang daripada 1 bulan** sahaja.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawalan pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

3